# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
29 JANUARI 2021
JUMAAT

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | PGA RAMPAS ARAK, ROKOK SELUDUP | 2 |



# SINAR HARIAN

Sinar 29/1/21 Jumaat



Sinar untuk Malaysia

## PGA rampas arak, rokok seludup

**JOHOR BAHRU** - Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan seorang lelaki serta merampas 123 karton rokok dan tujuh botol arak seludup di Jalan Rotan Lumpit, Masai di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA, Superintendan Dimin Awang berkata, lelaki tempatan berusia 29 tahun itu ditahan dalam sebuah kereta pada jam 10.45 pagi.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut menemui rokok dan arak seludup di dalam kereta berkenaan.

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah lebih RM28,000. Tangkapan dan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 135 Akta Kastam 1967," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini pada Khamis.

